

**SEJARAH PERKEMBANGAN GOLONGAN
BANGSAWAN MELAYU BRUNEI
DI DAERAH PAPAR
(1881-1963)**

DG JUNAIDAH BINTI AWANG JAMBOL

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA DENGAN
KEPUJIAN**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



183359

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Sgaridi pukembagan gelogam Bangawau melayu
Brunei Di daerah Papar (1881 - 1963)

IJAZAH: SERTIANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA Dg. Junaidah Binti Idrusah Jambu SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Tarikh: 2/2/09

Nama Penyelia

Tarikh: 2/2/09

CATATAN: *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara agi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017096

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




UM
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Latihan Ilmiah yang bertajuk sejarah perkembangan golongan bangsawan Melayu Brunei di daerah Papar, 1881-1963, yang disediakan oleh Dg Junaidah Binti Awang Jambol ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sejarah dengan kepujian, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh:



(SITI AIDAH HJ LOKIN)

PENYELIA LATIHAN ILMIAH

SEKOLAH SAINS SOSIAL.

Tarikh: 2 JUN 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini adalah hasil daripada usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dinyatakan sumbernya dengan jelas melalui nota kaki yang disediakan sebagai rujukan.



(DG JUNAIDAH BINTI AWANG JAMBOL)

HA2006-4819

TARIKH: 2 JUN 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur sekali ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnianya maka saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Hjh. Siti Aidah Hj. Lokin yang bertanggungjawab menjadi penyelia saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Saya amat terhutang budi kepada beliau kerana memberikan bimbingan, dorongan dan teguran yang membina dalam usaha untuk membantu saya menyiapkan tesis ini dengan baik. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negeri Sabah, Muzium, Persatuan Melayu Brunei Sabah (PMBS), Pejabat Daerah Papar, Perpustakaan UMS, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Papar dan Perpustakaan Tun Fuad Stephens kerana banyak membantu saya dalam mencari rujukan sepanjang menjalankan kajian ini. Sekalung penghargaan juga turut saya ucapkan kepada para responden yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemu bual bagi melengkapkan lagi maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan tesis ini. Sejambak penghargaan dan terima kasih juga turut diucapkan kepada ibu bapa saya iaitu Awang Jambol Bin Matyaman dan Dg Jamisah Binti Mumin serta adik-beradik saya yang tidak pernah jemu untuk memberikan bantuan, khidmat nasihat serta sokongan sepanjang menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya khususnya Siti Rohayah Binti Sukor, Rafidah Binti Aras, Nurul Hakimah Binti Ahmad Sidek, Nurhazlena Binti Abu Bakar dan rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana membantu saya dalam menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini membincangkan mengenai sejarah gelaran, peranan dan perubahan golongan bangsawan daripada aspek politik, ekonomi dan sosial selepas penghijrahan mereka dari negara Brunei Darussalam ke Daerah Papar. Kajian ini menerangkan serba sedikit tentang latar belakang kawasan kajian. Dalam penulisan kajian ini, aspek yang akan turut diuraikan ialah perkembangan dan bentuk-bentuk perubahan yang telah dialami oleh golongan bangsawan sepanjang tahun 1881 sehingga tahun 1963. Perubahan kehidupan yang berlaku ke atas golongan bangsawan telah membawa kepada pembentukan sebuah identiti baru bagi masyarakat Melayu Brunei di Daerah Papar yang secara tidak langsung membezakan mereka dengan suku kaum Brunei lain di Sabah.



SINGKATAN

Ag	Awang
Amp	Ampuan
Dr	Doktor
Dg	Dayang
Hj	Haji
Pg	Pangeran
PMBS	Persatuan Melayu Brunei Sabah
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan



KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN PENYELIA	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
SINGKATAN	v

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 PENYATAAN PERMASALAHAN	6
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.4 LOKASI KAJIAN	7
1.5 SKOP KAJIAN	7
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	8
1.7 METODOLOGI KAJIAN	8
1.8 SOROTAN LITERATUR	9

BAB 2: SEJARAH MIGRASI GOLONGAN BANGSAWAN MELAYU BRUNEI

2.1 PENGENALAN	13
2.2 SEJARAH ASAL-USUL PERKEMBANGAN DAERAH PAPAR	13
2.3 KEDATANGAN GOLONGAN BANGSAWAN KE DAERAH PAPAR	19
2.4 KESIMPULAN	30



**BAB 3: GELARAN DAN PERANAN GOLONGAN BANGSAWAN
MELAYU BRUNEI**

3.1	PENGENALAN	31
3.2	SEJARAH GELARAN	31
3.3	PERANAN GOLONGAN BANGSAWAN	
3.3.1	POLITIK	41
3.3.2	EKONOMI	44
3.3.3	SOSIAL	49
3.4	KESIMPULAN	53

**BAB 4: PERUBAHAN GELARAN DAN PERANAN GOLONGAN
BANGSAWAN MELAYU BRUNEI (1942-1963)**

4.1	PENGENALAN	54
4.2	PERUBAHAN GELARAN	54
4.3	PERUBAHAN PERANAN GOLONGAN BANGSAWAN	
4.3.1	POLITIK	59
4.3.2	EKONOMI	66
4.3.3	SOSIAL	75
4.4	KESIMPULAN	78

BAB 5: PENUTUP	79
-----------------------	----

BIBLIOGRAFI	82
--------------------	----

LAMPIRAN	86
-----------------	----



BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Masyarakat Melayu Brunei ialah satu kelompok penduduk peribumi di Negeri Sabah yang amat terkenal dengan penggunaan gelaran dalam kalangan golongan bangsawan sejak zaman pemerintahan kesultanan Brunei lagi. Namun begitu, kajian tentang suku kaum Brunei yang bermastautin di Sabah terutamanya yang memfokus kepada golongan bangsawan kini boleh dikatakan amat kurang kerana kebanyakan maklumat tentang suku kaum ini hanya memfokus kepada aspek ekonomi dan sosial sahaja yang bertunjangkan kepada masyarakat Melayu Islam.¹ Menurut D.S Ranjit;

*'Ironically, little information of a similar nature was recorded concerning the coastal Malay muslim Communities.'*²

Sewaktu pemerintahan kesultanan Brunei, baginda mempunyai banyak wilayah jajahan yang merangkumi seluruh kepulauan Borneo sehingga ke Utara Filipina.³ Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa kepada kehadiran masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Hal ini juga terbukti apabila kebanyakan masyarakat Melayu Brunei menduduki bahagian Pantai Barat Sabah terutamanya kawasan di Daerah Papar. Kegemilangan Brunei sebagai sebuah empayar teragung pada waktu itu telah menjadikan Brunei setanding dengan kerajaan lain di Nusantara seperti Majapahit, Melaka dan juga Aceh.

Brunei juga merupakan negara tertua di Alam Melayu yang mengamalkan tradisi pentadbiran bercorak pemerintahan beraja. Mengikut catatan China dalam T.M 414 dan

¹ Norbaizah Binti Abu Bakar, *Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Melayu Brunei. Kajian Kes: Pekan Bongawan*, Latihan Ilmiah Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm. 9.

² D.S Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983; the problems of Political Survival*, Oxford University Press, Singapore, 1984, hlm.9.

³ Irwin .G, *Ninetenth-Century Borneo*, Singapore: Donald Moore Books,1955, hlm 112.



518, Brunei telahpun wujud sebagai sebuah kerajaan beraja yang telah membuat perhubungan baik dengan Negara China. Bukti ini menunjukkan bahawa Brunei telahpun wujud sebelum tarikh yang disebutkan dan kerajaan yang telah membuat perhubungan antarabangsa adalah kerajaan yang telah mantap kedudukan dan kekuatannya. Dalam susunan tradisi Brunei, Raja atau Sultan mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran negeri dibantu oleh Wazir, Cheteria, Menteri dan ketua lain yang dilantik oleh Sultan. Kedaulatan Raja atau Sultan adalah di antara ciri-ciri utama kesatuan dan perpaduan rakyat sejak zaman-berzaman. Mentaati Raja yang adil dan bijaksana bersesuaian dengan konsep mentaati Ulul Amri dalam Islam.⁴

Pemerintahan Islam di Brunei bermula dalam zaman Awang Alak Bertatar yang terkenal dengan nama Sultan Muhammad Shah apabila baginda memeluk agama Islam kurang lebih dalam T.M.1368. Dengan kemasukan baginda dalam agama Islam maka gelaran raja yang memerintah mulai zaman itu dengan rasminya berubah menjadi Sultan. Pentadbiran berdasarkan Islam mula tersusun dengan lebih kemas dan teratur lagi pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, iaitu Sultan Brunei Ketiga yang memerintah T.M 1425 sehingga 1432. Sistem pemerintahan berdasarkan Islam dan tradisi Melayu ini kemudiannya dilanjutkan oleh anakanda dan cucunda baginda iaitu Sultan Abdul Kahar, Sultan Saiful Rijal dan Sultan Muhammad Hassan. Pada zaman pemerintahan para Sultan ini, Brunei menjadi sebuah empayar besar yang gilang-gemilang merangkumi Pulau Borneo dan wilayah yang kini menjadi sebahagian dari negara Filipina. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, kebesaran Kerajaan Brunei pada zaman itu setanding dengan Aceh kerana susunan pentadbiran dan adat-istiadatnya teratur dengan rapi.⁵

Sewaktu Sultan Muhammad Hassan memegang takhta Brunei, baginda telah memperkemaskan semula dasar-dasar sistem pentadbiran Brunei yang kemudiannya diwarisi oleh pemerintah Brunei seterusnya. Sultan selaku Ketua Negara akan dibantu oleh empat Wazir yang bertindak sebagai pentadbir terkanan iaitu Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal pentadbiran

⁴ Berita Jabatan Pusat Sejarah, 1990, Bil.3, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam, hlm. 5.

⁵ Ibid., hlm. 6.

negeri, Pengiran Temengong Sahibul Bahar yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal kehakiman dan keamanan, Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal bertanggungjawab dalam hal-ehwal perbendaharaan negeri dan Pengiran Pemancha Sahibul Rae Wal-Mashuarat dalam hal-ehwal permesyuaratan, permuzakarahan atau perundingan dan yang berhubung dengan resam adat-istiadat. Pada zaman keagungan empayar Brunei, Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar (Cheteria) dipertanggungjawabkan dalam hal-ehwal perdagangan dan pelabuhan.⁶

Cheteria dan Menteri pula diberikan tugas dan tanggungjawab bersesuaian dengan taraf dan gelaran masing-masing yang telah diaturkan dalam adat-istiadat Brunei. Sultan-Sultan Brunei yang memerintah memberikan kuasa kepada Wazir dan Cheteria mentadbir wilayah kekuasaan Brunei. Pada zaman pemerintahan tradisi Brunei, wujud sistem pembahagian wilayah kekuasaan yang disebut sebagai 'Kuripan' (anugerah kepada Wazir, Cheteria atau Menteri kerana gelaran/jawatan rasmi) dan 'Tulin' (anugerah kepada Wazir, Cheteria atau Menteri). Sempadan bagi sesebuah wilayah itu biasanya berdasarkan sungai. Wazir, Cheteria dan Menteri mempunyai kuasa mentadbir wilayah bagi pihak Sultan dan juga berkuasa mengutip cukai untuk disembahkan sebahagiannya kepada Sultan.⁷

Perlu diketahui bahawa kebanyakan golongan pembesar yang dihantar oleh Sultan Brunei ke Borneo pada waktu itu terdiri daripada golongan pentadbir yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan istana. Kedatangan mereka ke wilayah jajahan Sultan secara tidak langsung telah memberikan kesan kepada kewujudan sistem gelaran yang akhirnya diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Melayu Brunei pada masa kini. Perkara ini terbukti dengan wujudnya gelaran-gelaran seperti Pangeran, Ampuan, Awang dan Dayang pada awalan nama seseorang yang menandakan mereka mempunyai keturunan daripada raja-raja Brunei yang wujud ketika zaman pemerintahan kerajaan Brunei.⁸

⁶ *Ibid.*, hlm. 7.

⁷ Berita Jabatan Pusat Sejarah, 1999, Bil.9. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam, hlm. 8.

⁸ *Ibid.*, hlm. 7.

Penghijrahan golongan bangsawan ke Daerah Papar adalah menerusi laut dan sungai. Pada waktu itu, Sungai Benoni dan Sungai Papar dijadikan sebagai tempat pelabuhan utama golongan bangsawan untuk berdagang selain dari Teluk Kimanis. Memandangkan pada waktu itu, bahagian Pantai Barat Sabah dikuasai oleh Kesultanan Brunei maka secara tidak langsung telah menggalakkan lagi penghijrahan golongan bangsawan ke Daerah Papar. Namun begitu, penghijrahan ini bukanlah berlaku hanya disebabkan oleh aktiviti perdagangan sahaja kerana terdapat lagi faktor-faktor lain yang mendorong mereka untuk berhijrah ke Daerah Papar. Antaranya ialah perang saudara dan penindasan Sultan akibat daripada keengganan rakyat untuk memenuhi kehendak pemerintah.⁹

Di samping itu juga, penindasan yang dilakukan oleh golongan atasan dalam usaha memelihara pengikut yang ramai telah menyebabkan penduduk terpaksa berundur ke kawasan yang lebih terpencil atau jauh daripada penguasaan Sultan dan pembesar. Sekiranya mereka tidak berundur maka mereka perlu untuk bangkit menentang pemerintah.¹⁰ Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan suasana yang tidak aman sehingga mendorong kepada berlakunya penghijrahan. Persengketaan dan peperangan telah meretakkan dan melemahkan empayar Brunei daripada dalam. Kelemahan yang terdapat dalam institusi politik tradisi Brunei ini merupakan salah satu sebab yang telah mendedahkan Brunei kepada ancaman dari luar. Kelemahan dalaman ini telah mewujudkan retakan yang menunggu masa sahaja untuk berkecai. Masa yang dimaksudkan adalah tatkala lahirnya cabaran dan ancaman dari Borneo Utara dan Sarawak yang berada di bawah naungan SBBU dan kerajaan Brooke yang sememangnya mempunyai cita-cita untuk memperluaskan kuasa dan wilayah mereka ke Brunei.

Perlu diketahui juga bahawa kaum Brunei merupakan kelompok majoriti di kawasan Pantai Barat Sabah. Bermula dengan era pemerintahan Kesultanan Brunei diikuti dengan SBBU, pendudukan Jepun dan kemudiannya berada dibawah pemerintahan jajahan Mahkota British, mereka mempunyai peranan yang penting dari

⁹ Leake Jr .D., *Brunei: the Modern Southeast-Asian Islam Sultanate*, Kuala Lumpur: Forum, 1990, hlm. 22.

¹⁰ Monks ,T.S., *Brunei Days*, England: The Book Guild Ltd, 1992, hlm. 51.

segi menyumbangkan ekonomi kepada pihak penjajah khususnya dalam membekalkan sumber keperluan makanan. Selain itu, masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di Daerah Papar juga dipercayai berasal dari Negara Brunei Darussalam. Perkara ini jelas dilihat berdasarkan kepada persamaan agama, budaya, bahasa dan juga jalinan kekeluargaan yang wujud dengan penduduk-penduduk di negara tersebut.¹¹

Pada akhir abad ke-18, perkembangan politik penjajah telah mengubah corak pemerintahan negara-negara di Asia Tenggara. Kedatangan Britain menjajah Burma, Negeri Melayu Bersekutu dan Sepanyol kemudiannya Amerika di Filipina telah menyebabkan Sultan Hashim Jalilul Aqamaddin berusaha mempertahankan kewujudan Brunei dengan menandatangani Perjanjian Naungan dengan Great Britain pada 17 September 1888. Perjanjian ini secara tidak langsung telah meletakkan Brunei di bawah Sistem Residen seperti yang berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pemeterian perjanjian tersebut juga telah membawa kepada penyerahan wilayah kekuasaan Brunei yang terletak di Pantai Barat Borneo dan seterusnya mewujudkan garis pemisah atau sempadan di antara masyarakat Melayu Brunei di Borneo dengan Masyarakat Brunei di Negara Brunei Darussalam.¹²

Walau bagaimanapun perlu juga diketahui bahawa tumpuan utama kajian ini adalah memfokus kepada persoalan yang wujud mengenai sejarah perkembangan golongan bangsawan bermula dengan sejarah migrasi, asal-usul gelaran, bentuk-bentuk gelaran, peranan, perkembangan dan perubahannya sekitar tahun 1881 sehingga tahun 1963. Kesemua aspek ini akan cuba dibincangkan dengan lebih terperinci lagi berdasarkan kepada kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Sebagai lanjutan, kajian ini juga turut mengandungi beberapa aspek perkara penting yang akan menjelaskan secara terperinci mengenai pernyataan permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan sorotan literatur.

¹¹ *Ibid.*, hlm.10.

¹² *Berita Jabatan Pusat Sejarah*, 1990, Bil. 3. *op.cit.*, hlm. 8.

1.2. Penyataan Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan satu hipotesis bahawa penghijrahan golongan bangsawan Melayu Brunei ke Daerah Papar telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap corak hidup golongan tersebut khususnya daripada aspek politik, ekonomi dan juga sosial. Pokok perbincangannya merangkumi proses migrasi golongan bangsawan Melayu Brunei ke Daerah Papar, bentuk-bentuk gelaran, kedudukan dan peranan mereka dari segi politik, ekonomi dan sosial selepas mereka berhijrah ke Daerah Papar. Selain itu, persoalan yang akan turut diketengahkan dalam kajian ini juga ialah faktor-faktor yang menyebabkan golongan ini berhijrah ke Borneo Utara terutamanya kawasan Daerah Papar. Kajian ini akan memfokus bermula dengan era pemerintahan Kesultanan Brunei sehinggalah pemerintahan Mahkota British di Sabah yang bermula dari tahun 1881 sehingga tahun 1963.

1.3. Objektif Kajian


Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengetahui sejarah asal-usul golongan bangsawan Melayu Brunei termasuklah proses migrasi, gelaran, kedudukan dan peranan mereka dari segi politik, ekonomi dan sosial semasa zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, SBBU sehinggalah Penjajahan British di Sabah. Dalam kajian ini, aspek yang akan turut dibincangkan ialah perubahan-perubahan yang berlaku dari segi gelaran, peranan dan kedudukan mereka selepas berhijrah ke Daerah Papar bermula dari tahun 1881 sehinggalah tahun 1963. Objektif kajian ini ialah pertama, membincangkan sejarah proses migrasi golongan bangsawan masyarakat Melayu Brunei ke Sabah. Kedua, membincangkan gelaran, kedudukan dan peranan golongan bangsawan selepas berhijrah ke Daerah Papar terutamanya dari segi politik, ekonomi dan sosial semasa zaman pemerintahan Kesultanan Brunei sehinggalah penjajahan British di Daerah Papar dan yang ketiga pula ialah membincangkan tentang perubahan yang berlaku dari segi gelaran kedudukan dan peranan golongan bangsawan masyarakat Melayu Brunei selepas penghijrahan mereka ke Daerah Papar.



1.4 Lokasi Kajian

Lokasi kajian terletak di Daerah Papar yang memfokus kepada Kampung Benoni, Kampung Buang Sayang, Kampung Laut, Kampung Surati, Kampung Takis dan beberapa buah kampung lain yang kebanyakannya diduduki oleh masyarakat Melayu Brunei.

Peta 1.1 : Peta Negeri Sabah



Sumber: Muzium Negeri Sabah

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Daerah Papar yang memfokus kepada beberapa buah kampung yang diduduki oleh majoriti masyarakat Melayu Brunei khususnya Kampung Benoni yang merupakan tempat pertapakan kebanyakannya golongan bangsawan di Daerah Papar. Kawasan ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana kawasan ini majoriti penduduknya adalah masyarakat Melayu Brunei yang berketurunan golongan bangsawan ‘bertaras’¹³ malahan juga tempat kemasukan awal golongan bangsawan ke Daerah Papar. Didapati bahawa 90% daripada penduduk keturunan Melayu Brunei di Daerah Papar mendiami kampung Benoni.¹⁴

¹³ Golongan bangsawan yang berdarah raja atau Sultan.

¹⁴ Lee Yong Leng, *Sabah Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 66.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian dan penulisan mengenai sejarah gelaran kebesaran masyarakat Melayu Brunei di Sabah amat kurang dikenal pasti sebelum ini oleh para pengkaji sejarah dan sekiranya ada sekalipun penulisan mengenainya tidaklah begitu terperinci. Oleh yang demikian itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan dan membincangkan tentang proses migrasi golongan bangsawan Melayu Brunei, bentuk gelaran yang terdapat dalam masyarakat Melayu Brunei, peranan, perkembangan dan perubahannya sekitar tahun 1881-1963. Namun begitu, masih ramai yang tidak mengetahui bahawa kedudukan, peranan dan gelaran yang terdapat dalam kalangan golongan bangsawan Melayu Brunei dalam tempoh masa tersebut telah mengalami banyak perubahan sehingga gelaran dan peranan mereka semakin hilang disebabkan oleh beberapa faktor. Keadaan ini menunjukkan bahawa kajian yang lebih terperinci perlu untuk dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan tersebut dan seterusnya memberikan maklumat yang bernilai untuk tatapan generasi pada masa akan datang.

1.7. Metodologi Kajian

Kaedah kajian dan penyelidikan yang digunakan untuk menyiapkan penulisan kajian ini ialah dengan menggunakan disiplin sejarah sebagai asas kepada penyelidikan. Dalam membuat latihan ilmiah ini kaedah untuk mendapatkan maklumat adalah melalui sumber daripada kajian kepustakaan yang meliputi sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ini boleh diperolehi daripada Arkib dan Muzium manakala sumber sekunder atau sumber kedua pula boleh diperolehi daripada buku, artikel, jurnal dan kertas kerja yang boleh dirujuk di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negeri, Perpustakaan Yayasan Sabah, Perpustakaan Kota Kinabalu, Pejabat Daerah Papar dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan dengan aspek kajian. Selain itu, kajian ini juga akan dilakukan dengan cara mengumpulkan maklumat melalui kaedah temu-bual dengan beberapa orang penduduk kampung dari kawasan kajian untuk mengukuhkan lagi sumber yang diperolehi daripada sumber-sumber kedua.



1.8. Sorotan Literatur

Penulisan tentang sejarah masyarakat Melayu Brunei ini telah banyak ditulis menerusi kajian-kajian lepas, namun kebanyakannya hanya memfokus kepada corak kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Berdasarkan kepada kajian lepas yang ditulis oleh Mohd Fitri Bin Japar yang bertajuk ‘Suku kaum Brunei: Tumpuan Daerah Kecil Weston Sabah (1880-2000)’ telah menerangkan dengan panjang lebar mengenai asal-usul dan corak kehidupan masyarakat Melayu Brunei secara menyeluruh dalam pelbagai aspek sama ada aspek ekonomi, sosial dan juga adat resam. Walaupun kajian ini banyak memfokus kepada asal-usul dan corak kehidupan masyarakat Melayu Brunei di Daerah kecil Weston, namun kajian tersebut masih boleh dijadikan sebagai bahan rujukan penting kerana terdapat persamaan antara masyarakat Melayu Brunei di Daerah Weston, dengan masyarakat Melayu Brunei di Daerah Papar khususnya Kampung Benoni dan juga kampung Buang Sayang papar.

Selain itu, maklumat mengenai sejarah Melayu Brunei ini juga dapat diperolehi daripada tesis sarjana dari Universiti Malaya, yang ditulis oleh Osman Bin Tahir yang bertajuk ‘Suku Kaum Brunei Sabah. Tumpuan Khusus di Daerah kecil Membakut, Papar dan Bongawan tahun 1860-an sehingga 1990-an’. Kajian tersebut menjelaskan secara ringkas mengenai proses-proses migrasi atau penghijrahan masyarakat Melayu Brunei ke Borneo secara umum. Walau bagaimanapun, perbincangannya lebih memfokus kepada persamaan aspek ekonomi, sosial dan budaya masyarakat Melayu Brunei di ketiga-tiga kawasan tersebut. Dalam tesis tersebut juga tidak banyak menyentuh mengenai aspek proses migrasi golongan bangsawan dan penglibatan serta peranan mereka dari aspek politik, ekonomi dan sosial bermula dari penguasaan kesultanan Brunei di Borneo sehingga campur tangan dan penjajahan British di Sabah.

Sumber lain seperti kajian oleh Prof. Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Hakip (2001)¹⁵ juga menjadi rujukan penting kepada penulisan yang akan dibuat. Buku tersebut, menerangkan beberapa aspek penting mengenai kehidupan masyarakat Brunei Darussalam yang berkait rapat dengan cara kehidupan Masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Selain itu, buku tersebut juga menjelaskan mengenai sistem

¹⁵ Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Hakip, *Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 5.

gelaran yang digunakan oleh golongan bangsawan Melayu Brunei seperti istilah golongan Pangeran dikatakan merupakan gelaran yang diberikan oleh Sultan Brunei kepada mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga golongan Pangeran yang bukan berasal daripada golongan bangsawan dan mereka ini dipanggil sebagai 'Pangeran kebanyakan'.

Golongan ini merupakan golongan yang tidak dapat dikenal pasti keturunannya kerana perkembangan masa, pendudukan dan faktor-faktor sosial. Manakala Ampuan pula adalah gelaran yang diberikan kepada golongan yang berstatus sosial yang tinggi dalam masyarakat Brunei. Mereka juga tergolong dalam golongan bangsawan. Menurut D.E Brown, golongan ini mempunyai banyak masalah dalam keturunannya.¹⁶ Hal ini berlaku kerana kebanyakkan daripada golongan Ampuan ini tidak mempunyai persefahaman dengan sultan Brunei terutamanya dalam aspek pentadbiran dan kekuasaannya sehingga mereka dianggap sebagai penentang sultan. Oleh itu, sebahagian daripada mereka ini telah dihalau keluar dan melarikan diri dari kampung-kampung di Negara Brunei Darussalam dan akhirnya menetap di bahagian Pantai Barat Borneo sebagai penduduk peribumi Sabah.

Di samping itu juga, dalam buku tersebut turut disebutkan tentang gelaran pada awalan nama Awang dan Dayang yang menandakan golongan tersebut mempunyai status dan kedudukan yang lebih tinggi dan terhormat dalam masyarakat Brunei. Gelaran ini diperolehi daripada penganugerahan Sultan Brunei kepada mereka atas jasa bakti, pengorbanan dan kesetiaan yang mereka berikan sepanjang pentadbiran dan kekuasaannya di Brunei. Walaupun begitu, istilah nama gelaran seperti Pangeran, Ampuan, Dayang dan Awang ini tidak banyak dibincangkan di dalam buku tersebut memandangkan fokus utamanya adalah berkisar mengenai keadaan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Brunei semasa menjelang kemerdekaan. Oleh itu, kajian mengenai sejarah gelaran masyarakat Melayu Brunei ini amat penting untuk dikaji memandangkan ianya sesuatu yang unik dan menarik untuk diteliti dan diselidiki dengan lebih terperinci lagi.

Buku-buku lain yang turut menjadi bahan rujukan penting dalam kajian ini ialah buku '*The Making Of Sabah 1865-1941 The Dynamics of Indigenous Society*' dan *Brunei*

¹⁶ D.S Ranjit Singh, *op.cit.*, 1984, hlm.120.

1839-1983; *The Problems of Political Survival*¹⁶ yang merupakan hasil karya dan penulisan D.S Ranjit Singh. Buku ini dikatakan sangat penting untuk membantu kajian ini kerana isi kandungan buku tersebut merangkumi kegiatan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu Brunei bermula daripada zaman kesultanan Brunei sehingga salah zaman pemerintahan British di Borneo. Buku ini juga turut menceritakan secara jelas pelbagai peristiwa penting yang berlaku di Borneo bermula dengan penguasaan Kesultanan Brunei sehingga penyerahan Borneo kepada pihak penjajah British. Di dalam buku ini juga turut diberikan gambaran jelas mengenai kedudukan dan peranan golongan bangsawan Brunei di kawasan Pantai Barat sewaktu di bawah pemerintahan dan penguasaan Kesultanan Brunei. Namun begitu, penulis hanya menonjolkan peranan dan kedudukan golongan bangsawan ini semasa pemerintahan dan penguasaan Kesultanan Brunei di Borneo, akan tetapi selepas tamatnya pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo, tidak wujud penulisan mengenainya sehingga salah Borneo diserahkan kepada pihak British. Oleh itu, kajian ini merupakan salah satu daripada usaha pengkaji untuk menonjolkan semula peranan dan kedudukan golongan bangsawan selepas tamatnya pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo khususnya selepas mereka berhijrah ke kawasan kajian iaitu di Daerah Papar.

Buku K.G Tregonning iaitu *Malaysian Heritage Under Chartered Company Rule North Borneo (1881-1946)* merupakan antara rujukan yang sangat penting dalam menyempurnakan kajian ini. Hal ini kerana buku tersebut mengandungi pelbagai peristiwa yang berlaku di Borneo sepanjang pemerintahan SBBU dan pemerintahan British, bermula dari tahun 1881 sehingga tahun 1946. Buku ini juga memaparkan pelbagai peristiwa menarik yang memperlihatkan pelbagai perubahan yang dilakukan oleh pihak penjajah terhadap sistem pentadbiran, ekonomi dan juga sosial masyarakat peribumi di Borneo. Sebagai contoh, pihak penjajah telah bertindak menghapuskan sistem perhambaan, memperkenalkan pentadbiran Ketua Anak Negeri, Pegawai Daerah, sistem pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa masyarakat Borneo ke satu fasa kehidupan yang lebih baik biarpun kadang-kala ianya bersifat berkepentingan¹⁷.

¹⁷ Kemudahan infrastruktur yang diberikan oleh penjajah sebenarnya bertujuan untuk mempermudahkan mereka mengeluarkan hasil-hasil ekonomi di Borneo secara maksimum dan bukannya untuk tujuan membangunkan Borneo secara serius. Buktinya, kebanyakkan daripada kemudahan pengangkutan seperti keretapi, jalan raya, hospital dan sekolah dibina di kawasan-kawasan ladang dan bandar.

Selain itu, terdapat juga penyelidikan lain mengenai masyarakat Melayu Brunei yang ditulis oleh Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid yang bertajuk 'Nilai Budaya Masyarakat Desa' yang diterbitkan pada tahun 1998.¹⁸ Walaupun isi kandungan buku tersebut tidak banyak menyentuh tentang masyarakat Melayu Brunei di Sabah tetapi buku ini sangat penting untuk digunakan sebagai rujukan tambahan bagi mengetahui sedikit sebanyak tentang istilah dan makna setiap penggunaan gelaran yang digunakan oleh masyarakat Brunei. Oleh yang demikian itu, daripada kekurangan yang ada, maka kajian ini sangat perlu untuk menguatkan lagi maklumat berkenaan golongan ini, yang belum lagi ditemui setakat ini dalam kajian atau sumber-sumber yang sedia ada.

¹⁸ Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid, *Nilai Budaya Masyarakat Desa*, Jilid 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 60.



BAB 2

MIGRASI GOLONGAN BANGSAWAN MELAYU BRUNEI KE DAERAH PAPAR

2.1 Pengenalan

Bab ini memberi tumpuan kepada sejarah awal kedatangan golongan bangsawan Melayu Brunei ke Daerah Papar yang merangkumi aspek perbincangan sejarah asal-usul Daerah Papar dan proses perkembangannya. Dalam bab ini juga pengkaji akan cuba untuk menghuraikan proses-proses migrasi golongan bangsawan ke Daerah Papar yang dilihat mempunyai perhubungan secara langsung dengan penguasaan Kesultanan Brunei ke atas Borneo. Terdapat banyak faktor yang membawa kepada penghijrahan golongan bangsawan ke Daerah Papar antaranya ialah faktor perdagangan, penindasan Sultan dan kepercayaan terhadap kemampuan pihak British untuk menjadi pentadbir.

2.2 Sejarah asal-usul dan Perkembangan Daerah Papar

Daerah Papar mempunyai keluasan 124.320 hektar persegi atau 480 batu persegi dari bahagian Pantai Barat Selatan dan terletak di pesisiran pantai menghadap Laut China Selatan iaitu 48 km dari Kota Kinabalu. Daerah Papar mempunyai 17 buah Mukim, 118 buah kampung dan mempunyai bilangan Ketua Kampung seramai 99 orang.¹⁹ Sebahagian besar daripada kawasan tersebut digunakan sebagai tanah untuk pertanian. Terdapat tiga buah sungai besar yang menjadi pelabuhan utama golongan bangsawan ketika zaman Kesultanan Melayu Brunei iaitu Sungai Papar, Sungai Benoni, Sungai Kimanis dan juga Sungai Bongawan.

Di Daerah Papar, suku kaum Brunei mencatatkan peratusan penduduk yang paling ramai berbanding masyarakat peribumi yang lain. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2005, Kampung Benoni adalah satu-satunya kawasan penempatan masyarakat Melayu Brunei yang paling tinggi di negeri Sabah iaitu melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduknya

¹⁹ Pejabat Daerah Papar, PDP: A435 P1/28.

yang berjumlah 3452 orang dengan bilangan isi rumah berjumlah 624 buah. Pada tahun tersebut jumlah penduduk Daerah Papar adalah sebanyak 16 645 orang. Hal ini bermakna bahawa Kampung Benoni sahaja sudah menyumbangkan 20.7% penduduk bagi Daerah Papar. Bancian pada tahun tersebut juga menyatakan bahawa jumlah keseluruhan penduduk Sabah pada tahun itu adalah seramai 477 638 orang iaitu 3.5 peratus daripadanya adalah tinggal di Daerah Papar.

Menyentuh tentang asal-usul Papar, terdapat dua buah cerita mengenai bagaimana Papar mendapat nama, iaitu pertama daripada gelaran 'Papar' itu sendiri yang wujud daripada bahasa pertuturan Brunei yang membawa maksud 'Rata'. Gelaran ini mungkin diberikan kerana keadaan geografi Daerah Papar yang mempunyai tanah yang rendah dan rata. Manakala cerita yang kedua pula berkait rapat dengan batang-batang kayu hanyut yang banyak terdampar di pesisiran sungai terutamanya apabila berlakunya banjir.²⁰ Pada tahun 1881, Papar dikenali sebagai sebuah tempat perniagaan hamba abdi. Namun begitu, perniagaan tersebut agak lemah kerana hamba abdi tersebut seringkali terlepas pulang kepada tuannya setelah dijual.

Kedatangan orang Inggeris yang menjalankan pemerintahan rasmi terhadap Sabah pada tahun 1881 telah menamatkan perniagaan hamba abdi tersebut.²¹ Pada ketika itu, Papar telah dijadikan sebagai kawasan pertanian yang menghasilkan padi dan getah sebagai keluaran utamanya. Sewaktu Papar di bawah pengaruh Kesultanan Brunei, Papar telah ditadbir oleh pembesar-pembesar tempatan. Ketua daerahnya ialah seorang berbangsa Bajau iaitu Datu Amir Bahar. Beliau pernah memimpin satu pemberontakan untuk menghalau seorang pembesar Brunei yang pada ketika itu menguasai Daerah Papar.²² Selepas berlakunya penyingkiran Pangeran Temenggung oleh Datu Amir Bahar, Pangeran tersebut telah bertindak menyerahkan Daerah Papar kepada Overbeck dan dua adik-beradik Dent pada tahun 1877 dengan bayaran tahunan kepada Sultan Brunei sebanyak \$15 000 setahun.²³

²⁰ *Borneo Mail*, Papar Pusat Perindustrian, 2 April 1995, hlm. 6.

²¹ Fail Daerah PAPAR; Arkib Negeri Sabah, hlm. 2.

²² *Borneo Mail*, op.cit., hlm.6.

²³ Tregonning K.G., *Malaysian Heritage Under Chartered Company Rule North Borneo (1881-1946)*, Kuala Lumpur: University Of Malaya, 2007, hlm. 18.

Walaupun Pangeran Temenggung berjaya dihalau keluar dari Papar, namun ini tidak bermakna semua orang Brunei turut disingkirkan. Hal ini terbukti apabila sehingga kini masyarakat Melayu Brunei masih lagi wujud di beberapa buah kampung di Daerah Papar seperti Kampung Benoni, Kampung Takis, Kampung Laut, kampung Buang sayang, Kampung Berundung, Kampung Surati, Kampung Sungai Padang dan beberapa buah kampung lagi.

Apabila Daerah Papar diserahkan kepada Overbeck dan Dent pada tahun 1877, Pegawai British yang pertama ditugaskan di Papar ialah H.L Leicester yang memulakan tugasnya pada bulan Februari 1878. Beliau berperanan mententeramkan keadaan di Papar supaya usaha untuk memperolehi hasil ekonomi dari kawasan tersebut dapat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, pentadbiran awal British tidak dapat bertahan lama kerana menghadapi masalah kewangan yang teruk.²⁴ Tidak lama kemudian H.L Leicester telah digantikan oleh Everett yang bertanggungjawab menjalankan pentadbiran di Daerah Papar. Namun begitu, usaha ini seringkali terbantut berikutan wujudnya pertelingkahan antara ketua-ketua kecil di daerah tersebut. Keadaan ini berlaku kerana Everett tidak mempunyai kakitangan untuk membantunya memudahkan pentadbiran. Oleh sebab itu, beliau telah bertindak menjalinkan perhubungan yang baik dengan ketua-ketua setempat seperti Datu Amir Bahar iaitu Ketua orang Bajau dan Orang Kaya Dugassa untuk menjalankan pentadbiran di peringkat tempatan.²⁵

Stesen pentadbiran Papar yang pertama telah dibuka pada tahun 1878 yang terletak di tebing anak Sungai Papar berhampiran dengan SMK Majakir Papar. Stesen ini pada mulanya hanya mempunyai beberapa bangunan yang diperbuat daripada daun kajang dan beratap daun rumbia yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Sepuluh tahun kemudian stesen pentadbiran ini telah dipindahkan berdekatan dengan landasan keretapi yang akhirnya berubah menjadi sebuah pekan kecil dengan terbinanya bangunan-bangunan kedai dan pejabat-pejabat kerajaan pada masa kini.²⁶ Pada masa pemerintahan SBBU, Papar telah mengalami pelbagai corak pentadbiran. Hal ini kerana

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Fail Daerah PAPAR; Arkib Negeri Sabah, *op.cit.* hlm. 2.

²⁶ *Ibid.*

BIBLIOGRAFI

Laporan-Laporan Kerajaan

Jones, L.W. 1960. North Borneo, Report on the Census of Population.

Fail-Fail Arkib

Fail Daerah Papar ; Arkib Negeri Sabah.

The Population of North Borneo, North Borneo Census Report, 1931.

Fail-Fail Jabatan

Fail Pejabat Daerah Papar.
PDP-A435 P1/28.

Akhbar

Borneo Mail, Papar Pusat Perindustrian, 2 April, 1995. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.

Berita Jabatan Pusat Sejarah. 1999. Bil.9. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.

Berita Jabatan Pusat Sejarah. 1990. Bil.3. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.

British North Borneo Herald. 1882.

British North Borneo Herald. 1883.

British North Borneo Herald. 1886.

British North Borneo Herald. 1888.

British North Borneo Herald. 1915.

Tesis/Latihan Ilmiah

Mohd Fitri Bin Japar. 2007. Suku Kaum Brunei: Tumpuan Daerah Kecil Weston Sabah (1880-2000). Latihan Ilmiah Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Norbaizah Binti Abu Bakar. 2005. Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Melayu Brunei. Kajian Kes: Pekan Bongawan. Latihan Ilmiah Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.

Osman Bin Tahir. 1996/97. Suku Kaum Brunei Sabah; Tumpuan Khusus di Daerah Membakut, Daerah Papar, Bongawan (1860-an Sehingga 1990-an). Tesis Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera & Sains Sosial: Universiti Malaya.

Kertas Kerja

Seminar Sejarah Brunei: Sultan-Sultan Brunei, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 28-31 Ogos 1989.

Buku

Awang Mohd Jamil Al-Sufri. 1992. *Jurnal Darussalam*. Bil.1. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.

Awang Mohd Jamil Al-Sufri. 1995. *Jurnal Darussalam*. Bil.2. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Brunei Darussalam.

A. Lind. R. 2003. My Sabah Reminiscences of a Former State Secretary. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).

A. ChatField.G. 1973. SABAH a General Geography. London: Easter Universities Press Sdn.Bhd.

Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim. 1989. Sejarah dan Tradisi di Brunei. Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Anwar Sullivan & Cecilia Leong. 1981. *Commemorative History of Sabah 1881-1981*. Sabah State government.

D.S Ranjit singh. 2003. The Making Of Sabah 1865-1941 The Dynamics of Indigenous Society. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

D.S Ranjit Singh. 1984. *Brunei 1839-1983; The Problems of Political Survival*. Oxford University: Singapore.

Haji Zaini Bin Haji Ahmad. 1983. *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*. Kuala Lumpur: ZR Publication.

Harisson .T. 2007. *Malaysian Heritage World Within a Borneo Story*. Kuala Lumpur: S.A Majeed & Co. Sdn.Bhd.



- Ismail Haji Ibrahim & Jane Wong Kon Ling. 2002. *Warisan Etnik Sabah*. Universiti Malaysia Sabah: pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).
- Irwin .G. 1955. *Nineteenth-Century Borneo*, Singapore: Donald Moore Books.
- Lee Yong Leng. 1982. *Sabah Satu kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leake Jr. D. 1990. Brunei, The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate. Kuala Lumpur: Forum.
- Mary.C. & Turnbull. 1980. *Malaysia, Singapore & Brunei*. Singapore.
- Muhiddin Yussin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn.Bhd.
- Mazlan Abdullah. 1978. *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors.
- Monks .T.S. 1992. *Brunei Days*. England: The Book Guild Ltd.
- Padasian J.M. 1981. *Sejarah Dalam Gambar (1881-1981)*. Kuala Lumpur: Petaling Jaya.
- S. Sidhu. J. 1995. *Sejarah SosioEkonomi Brunei 1906-1959*, Selangor: Sasyaz Holdings Sdn.Bhd.
- Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Hakip. 2001. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman.1985. *Pentadbiran Peribumi Sabah1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aidah Hj Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saunders .G. 1994. *A History of Brunei*. United States of America: New York.
- Tregonning. K.G. 2007. *Malaysian Heritage Under Chartered Company Rule North Borneo (1881-1946)*. Kuala Lumpur: University Of Malaya.
- T. King .V. 1993. *The Peoples of Borneo*. England: United Kingdom.
- Wan Hashim Wan Teh, Ismail Hamid. 1984. *Nilai Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Informen Yang Ditemui Bual

Awang Jambol Bin Matiaman. 51 tahun. Kampung Seberang Benoni, Papar. "Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar". 6 Januari 2009.



Datuk Haji Yusoff Bin Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Kassim. Presiden Persatuan Melayu Brunei Sabah (PMBS). King Fisher 1: Kota Kinabalu. 21 Februari 2009.

Dg Jamisah Binti Haji Ag Mumin. 52 Tahun. Kampung Seberang Benoni, Papar. "Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar". 6 Januari 2009.

Haji Ampuan Mumin Bin Ampuan Tuah. 96 Tahun. Kampung Benoni, Papar. "Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar". 23 dan 29 Disember 2008.

Haji Ampuan Matyaman Bin Ampuan Tuah. 83 Tahun. Kampung Benoni, Papar. "Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar". 29 November 2008.

Hajah Dayang Limah Binti Lahab. 78 Tahun. Kampung Laut, Papar. 7 Disember 2008.

Mudin Bin Bakar. 83 Tahun. Kepayan, Kota Kinabalu. 9 Disember 2008.

Pangeran Haji Musa Bin pangeran Haji Gana. 55 Tahun. Pejabat Daerah Papar. 2 Januari 2009.

Pangeran Hajah Mahani Binti Pangeran Ahmad. 49 Tahun. Temburong: Brunei Darussalam. 17 Oktober 2008.